

Etiket dan Sopan Santun

Membatasi sifat ingin tahu

Tiap-tiap manusia memiliki sifat ingin tahu, tetapi pakailah sifat ini pada tempatnya, misalnya dalam lapangan pengetahuan. Tetapi janganlah dipakai untuk mengetahui tentang urusan-urusan orang lain yang tidak ada kepentingannya dengan kita.

Kalau misalnya kita sedang duduk dan kebetulan dekat dengan alat telefon, kita kerap mendengar orang bercakap-cakap dengan telefon itu, maka janganlah kita bertanya kepadanya dari siapa atau dengan siapa ia bercakap-cakap. Dan janganlah sengaja turut mendengarkan isi percakapan orang-orang yang sedang bercakap dengan telepon itu, kecuali untuk kepentingan urusan bersama.

Kita pernah pula misalnya memasuki sesuatu bilik atau ruangan di mana terdapat di dalamnya orang-orang sedang bercakap-cakap sesama mereka, tiba-tiba percakapan mereka itu terhenti disebabkan mereka melihat kita masuk. Maka pada ketika itu tahanlah sifat kita ingin tahu dan mencuba seberapa boleh jangan menanyakan kepada mereka soal apakah yang sedang mereka percakapkan.

Demikianlah pula bila kita menemui dua orang yang sedang berbisik-bisik, tidaklah patut kita mencuba hendak bertanya perkara apakah yang sedang mereka bisikkan. Sesungguhnya pekerti yang demikian tidak menurut etiket. Dan perbuatan tidak mau membatasi sifat ingin tahu terhadap pembicaraan atau percakapan orang lain itu, adalah menunjukkan peribadi seseorang yang kurang baik dan tidak manis dipandang mata.

Ada pula suatu sifat yang khusus terdapat dikalangan kaum wanita, iaitu mencuba perhiasan yang sedang dipakai kawan-kawannya untuk mengetahui

sama ada pantas untuk dirinya ataupun tidak. Sifat ini pun termasuk dalam golongan sifat ingin tahu. Juga terdapat di kalangan pemuda atau pemudi yang ingin mendapat perhatian dari kawan-kawannya lalu ditanyakan apa pendapat mereka terhadap dirinya, itu pun suatu sifat ingin tahu, dan sifat ini lebih-lebih lagi kurang baiknyanya. Tahanlah perasaan itu, kerana dia menunjukkan bahawa dirinya seolah-olah tidak mahu kalah dengan kawan-kawannya.

* * *

Marah dan kesal

Marah dan kesal adalah perasaan yang sering kita jumpai dalam hidup kita. Tetapi janganlah kemarahan dan kekesalan kita sampai nampak di wajah kita, kerana selain dari lekas tua dengan adanya kerut-kerut di muka kita, kita akan mempengaruhi orang-orang di sekeliling kita pula.

Banyak orang yang membawa kemarahan atau kekesalannya terbit sesuatu sebab yang berlaku di pejabat atau di suatu tempat, terbawa-bawa sampai ke rumahnya sendiri dan di sana diteruskan kemarahannya itu, malah kadang-kadang dilahirkannya dengan mengeluarkan kata-kata yang kasar dan tidak enak didengar. Demikian pula sebaliknya kemarahan atau kekesalan yang dibawanya bersama ke pejabat atau ke tempat pekerjaannya yang berasal tadinya dari rumah.

Dengan sendirinya marah dan kesal yang sedang dirasakannya itu dapat mempengaruhi orang-orang disekelilingnya yang akibatnya menimbulkan kesal pula pada mereka yang melihat dan mendengarnya, dan ini telah melanggar etiket.

Dengan adanya sifat demikian iaitu tak dapat menahan marah dan kesal yang ada pada dirinya, akan sukarlah ia mendapat kawan, akhirnya akan disisihkan oleh masyarakat sekelilingnya.